



**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI PERAK
BIL. 2 TAHUN 2014**

Kepada
Semua Pegawai Pengawal
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PENYEDIAAN CADANGAN BAJET 2015 DAN
BATAS PERBELANJAAN BAJET 2015**

TUJUAN

1. Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan cadangan bajet mengurus dan pembangunan tahun 2015.

STRATEGI BAJET TAHUN 2015

2. Penyediaan cadangan bajet tahunan menjadi semakin mencabar pada masa ini. Keadaan ini terjadi berikutan permintaan yang semakin meningkat setiap tahun berbanding penyata hasil yang berada pada kadar yang kecil. Bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin meningkat demi kesejahteraan rakyat negeri ini usaha-usaha meningkatkan hasil negeri akan diberi tumpuan utama pada tahun 2015. Disamping itu, usaha-usaha memantau pengurusan kewangan akan turut diberi perhatian serius.

3. Demi mencapai hasrat tersebut, beberapa pendekatan dan strategi telah disusun seperti berikut:-
 - a) Mempergiatkan kutipan hasil dari penguatkuasaan;
 - b) Menyelenggara dan mengemaskinikan maklumat/sistem kutipan hasil yang lebih cekap;
 - c) Memperkemas jentera kutipan hasil;
 - d) Mengenalpasti sumber-sumber baru dan kadar hasil baru yang patut dipungut.
- 3.1. Memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri dengan cara:-
 - a) meneruskan amalan perbelanjaan berhemah dan mewujudkan kawalan dalaman yang lebih teratur;
 - b) mengelakkan pembaziran sumber;
 - c) mengkaji semula dan mengubahsuai program dengan memastikan hanya program yang benar-benar menyumbang kepada pencapaian objektif jabatan secara cekap dan berkesan sahaja untuk diberi keutamaan;
 - d) mengurangkan kos sesuatu program tanpa menjejaskan produk atau perkhidmatan.
- 3.2. Meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan dengan penggunaan teknologi maklumat.
- 3.3. Mempertingkatkan kawalan dan pengurusan kewangan yang lebih berkesan dengan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun peringkat jabatan mengikut jadual yang ditetapkan.
- 3.4. Mengambil tindakan yang positif dan lebih pro-aktif ke atas teguran-teguran audit bagi memastikan teguran yang sama tidak berulang.
- 3.5. Mengesyorkan tindakan surcaj sekiranya berlaku kecuaiian dan pelanggaran peraturan kewangan sehingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGRURUS

4. Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk menguruskan kewangan secara lebih berkesan, semua Pegawai Pengawal diminta untuk mengamalkan prinsip penggunaan sumber secara optimum, aktiviti yang berupaya merangsang ekonomi dan memberi nilai tambah dan pengurusan perbelanjaan secara berhemah.

4.1. Disamping itu, semua Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus.

- a) semua program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun mengikut keutamaan semasa kerajaan negeri;
- b) memastikan semua perbelanjaan sedia ada/berjadual terutamanya emolumen di bawah Objek Am 10000 termasuk bagi pegawai-pegawai kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000, sewaan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan, elaun JKKK dan perkhidmatan yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
- c) penyelenggaraan aset kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan perlu diberi perhatian;
- d) memastikan pematuhan kepada langkah-langkah penjimatan dan menerapkan kawalan dalam;
- e) mematuhi Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- 4.2. Formula pengiraan **Batas Perbelanjaan** bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

$$\text{BP} = \text{DSA} + \text{DB} + 2\% \text{ Kenaikan Untuk Emolumen}$$

BP	-	Batas Perbelanjaan
DSA	-	Dasar Sedia Ada
DB	-	Dasar Baru

- 4.3. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Batas Perbelanjaan dan pengecualian tidak akan diberikan. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi **Dasar Sedia Ada** hendaklah dirangkumkan dalam Batas perbelanjaan. Batas Perbelanjaan ini tidak terpakai untuk maksud Tanggungan.
- 4.4. Cadangan Bajet untuk melaksanakan **Dasar Baru** dan **One –Off** hendaklah dikemukakan secara berasingan. Semua cadangan Perbelanjaan Mengurus perlu mengikut format yang sama seperti Cadangan Anggaran tahun 2014.
- 4.5. Pegawai Pengawal perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut. Ini termasuklah kelulusan keputusan-keputusan mesyuarat jabatan yang ada sebelum permohonan peruntukan dikemukakan untuk pertimbangan selanjutnya.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

5. Memandangkan tahun 2015 merupakan tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) bagi projek-projek yang telah bermula pada tahun 2011, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan dan peruntukan yang disediakan digunakan dengan sepenuhnya.

- 5.1. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan dipohon telah mengambil kira keupayaan pelaksanaannya dengan berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut.
- 5.2. Peruntukan untuk projek projek baru hanya akan dipertimbangkan sekiranya perkara-perkara berikut telah diambil kira:-
- a) perancangan untuk projek tersebut telah siap dan sedia untuk dilaksanakan;
 - b) pengambilan balik tanah telah selesai; dan
 - c) jabatan bukan teknikal hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknikal bagi tujuan pelaksanaan dan jadual perancangan kerja.

6. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL

- 6.1. Semua Pegawai Pengawal diminta untuk menyediakan anggaran hasil bagi tahun 2015 dengan meneliti rekod prestasi hasil tiga (3) tahun ke belakang dan prestasi tahun semasa serta potensi/keupayaan peningkatan hasil untuk tahun 2015.
- 6.2. Bagi hasil berkaitan tanah, anggaran hasil akan diambil kira berdasarkan cadangan yang akan dikemukakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Perak.

7. PENYAMPAIAN CADANGAN BAJET 2015

Pegawai Pengawal hendaklah meneliti dan **menyemak cadangan bajet** yang disediakan di peringkat jabatan sebelum dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri **melalui sistem**, mengikut format yang disediakan dalam Sistem SPEKS Modul Bajet di samping mengemukakan dalam bentuk dokumen sebelum atau pada **30 April 2014** seperti berikut:

- i. Dua (2) salinan 'hard copy' cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (**Format BM5** - Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti mengikut Objek Sebagai);
- ii. Dua (2) salinan hard copy cadangan Anggaran Hasil
 - a. **Format AH1** – Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai;
 - b. **Format AH2** – Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut;
 - c. **Format AH3** – Justifikasi Anggaran Hasil.
- iii. Ringkasan dan justifikasi lengkap bagi permohonan Dasar Baru dan 'One Off' dalam bentuk 'soft copy' dan 'hard copy' menggunakan format Microsoft Excel.
- iv. Cadangan Anggaran Pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak dan salinannya ke Pejabat Kewangan Negeri menggunakan format-format melalui sistem SPEKS seperti berikut:
 - a. **Format AP1-** Anggaran Belanjawan Pembangunan mengikut Projek;
 - b. **Format AP2 -** Anggaran Belanjawan Pembangunan mengikut Senarai Projek;


8. PENUTUP

Pegawai Pengawal diminta memberi kerjasama dalam memastikan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2015 dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD GAZALI BIN JALAL)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh: 3 / Mac 2014

s. k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Perak Darul Ridzuan